



# EXPORT-IMPORT BANK *of the* UNITED STATES

Ex-Im Bank helps U.S. companies to sustain and create jobs by financing U.S. exports.

**PRESS RELEASE**  
FOR IMMEDIATE RELEASE

## **EX-IM BANK MELANCARKAN PRODUK BARU INSURANS PENIAGA ASING**

Menyokong Saluran Penedaran Yang Penting bagi Pengeksportan Barangan Modal  
Amerika Syarikat

WASHINGTON, 11 Ogos/-- Export-Import Bank dari Amerika Syarikat (Ex-Im Bank) hari ini memperkenalkan satu jenis polisi insurans yang mencakupi pembiayaan eksport peralatan dan alat jentera Amerika Syarikat untuk peniaga asing bagi dijual semula kepada pembeli tempatan.

Insurans itu mencakupi tiga jenis pembiayaan peniaga di bawah satu polisi tunggal 'off-the-shelf', sekali gus menghapuskan keperluan untuk mendapatkan pengeksport atau peminjam komersil untuk mendapatkan pelbagai jenis polisi. Ex-Im Bank membangunkan produk selepas beberapa mesyuarat dengan pengeksport dan peminjam Amerika Syarikat, yang telah melahirkan keperluan untuk mewujudkan program seumpama itu.

Polisi Insurans Peniaga itu menyediakan liputan perlindungan insurans yang inovatif bagi sesuatu jenis pembiayaan yang khusus kepada peniaga: pembiayaan inventori jangka pendek yang diikuti dengan pilihan untuk membiayai semula hutang jangka pendek bagi tenor jangka sederhana, mengikut standard pasaran.

"Produk baru ini direka bentuk untuk mengukuhkan lagi sokongan Ex-Im Bank untuk satu saluran pendedaran yang strategik bagi pengeksportan barangan modal Amerika Syarikat," kata Encik Jeffrey L. Miller, naib presiden kanan Ex-Im Bank dan ketua bagi Pembiayaan Eksport. "Peniaga asing bukan sahaja membantu syarikat-syarikat Amerika Syarikat untuk menembusi pasaran tempatan, tetapi keupayaan mereka untuk memiliki jentera dan peralatan Amerika Syarikat dalam inventori di luar negara membolehkan mereka untuk memberi tindak balas yang serta merta jika wujud peluang-peluang untuk membuat penjualan semula."

Ex-Im Bank mempunyai satu rekod perkhidmatan yang cemerlang dalam membangunkan penyelesaian yang kreatif bagi menangani keperluan pembiayaan yang mencabar dan rumit. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program ini, sila

Office of Communications  
**202.565.3200 • [www.exim.gov](http://www.exim.gov)**

hubungi Charles Goohs, Bahagian Inisiatif Perniagaan di +1-202-565-3790.

Ex-Im Bank, agensi kredit eksport rasmi bagi Amerika Syarikat, kini telah membantu membiayai penjualan eksport Amerika Syarikat selama 70 tahun, sebahagian besarnya kepada pasaran baru muncul di seluruh dunia, dengan menyediakan jaminan pinjaman, insurans kredit eksport dan pinjaman secara langsung. Pada tahun fiskal 2003, Ex-Im Bank memberi kebenaran untuk penbiayaan bagi menyokong AS\$14.3 bilion eksport Amerika Syarikat. Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari: <http://www.exim.gov/>

SUMBER: Export-Import Bank dari Amerika Syarikat

HUBUNGI : Marianna Ohe dari Export-Import Bank dari Amerika Syarikat,  
: +1-202-565-3200/

Laman web : <http://www.exim.gov/>

TARIKH SIARAN : 11 OGOS, 2004